

03 MAY 1996

Mahathir-Teknologi

SALAH SENDIRI JIKA GAGAL TERIMA TEKNOLOGI, KATA DR M

MELAKA, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata keengganan rakyat Malaysia mempelajari teknologi baru daripada pelabur asing menyebabkan usaha pemindahan teknologi berjalan agak lembab.

"Kita tidak boleh menyalahkan pihak lain kalau orang kita sendiri tidak bersedia menerima teknologi baru," kata Perdana Menteri.

"Kita tidak boleh membuat tuduhan sambil lewa dan menyalahkan pihak lain kerana tidak memindahkan teknologi," kata beliau kepada pemberita di persidangan berita semasa mengakhiri lawatan kerja dua hari ke Melaka.

Beliau membidas sikap sesetengah rakyat tempatan yang diberi peluang belajar dan menjadi rakan kongsi dengan syarikat asing tetapi tidak mengambil kesempatan itu.

"Ada yang dihantar belajar tapi tidak hadir pun...ada yang menjadi rakan kongsi tetapi kakitangan tiada pun rakyat tempatan," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu membuat tuduhan kepada sesiapa tetapi hasil daripada lawatan beliau sendiri untuk melihat perjalanan kerja di beberapa projek mendapati tiada orang tempatan bekerja.

"Hampir seratus peratus orang asing yang bekerja...orang Indonesia, Bangladseh, Thailand dan Nigeria tapi orang Melayu tiada, orang Cina ada sikit-sikit,"

Bagaimana rakyat mahu mempelajari bidang baru jika ada kontrak yang menggunakan kaedah canggih dan terkini tetapi tiada rakyat tempatan yang bekerja di tempat kontrak itu, tanya beliau.

Beliau berkata, pada masa yang sama kerajaan tidak boleh bertindak menyenaraihitamkan syarikat asing atas kegagalan memindahkan teknologi hanya berdasarkan tuduhan kerana ia perlu diselidik terlebih dahulu.

Ditanya mengenai laporan bahawa terdapatnya syarikat asing yang tidak memindahkan teknologi dan adanya kontraktor terutama dari Korea Selatan yang tidak memberikan kerja-kerja sub-kontrak kepada syarikat Bumiputera, Perdana Menteri berkata perkara itu perlu diselidik terlebih dahulu.

Tuduhan berdasarkan kenyataan kepada akhbar boleh jadi betul atau tidak betul, katanya.

Dr Mahathir berkata bagaimana kita boleh menyalahkan pihak lain kalau rakyat sendiri tidak yakin dalam menerima dan mempelajari teknologi dan kaedah-kaedah baru yang dibawa masuk.

Ditanya adakah kerajaan akan mengenakan syarat dalam perjanjian dengan syarikat asing supaya pemindahan teknologi dijalankan, Perdana Menteri berkata peraturan itu tidak perlu.

"Tidak ada peraturan bagi pemindahan teknologi," katanya.

Mengenai cadangan supaya kerajaan menyediakan garis panduan berhubung pemindahan teknologi, beliau berkata kalau kita yakin, kita akan tahu apa makna pemindahan teknologi.

Dr Mahathir bertanya adakah perlu seorang pekerja, sebagai contohnya seorang jurutera bertanyakan apa yang perlu dipelajari sedangkan teknologi baru itu sudah dibawa masuk bagi kerja-kerja yang dijalankannya.

Sementara itu mengenai cadangan memindahkan kilang pengeluaran pesawat ringan Eagle Aircraft dari Perth, Australia ke Batu Berendam di sini, beliau berkata usaha itu masih dalam kajian.

Persediaan bagi melatih pekerja mahir dan kajian ke atas pesawat yang dikeluarkan di Australia itu masih berjalan, katanya. -- BERNAMA

MOZ AH PR